



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 19/2013 (5 Mei hingga 11 Mei 2013)

“Warga emas mangsa kematian terbaru Denggi”

Satu kematian akibat Denggi melibatkan seorang wanita berumur 79 tahun telah dilaporkan berlaku di Johor Bahru menjadikan kumulatif kematian Denggi sehingga Minggu ke 19 tahun 2013 adalah sebanyak 16 kematian berbanding 20 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Hasil siasatan KKM menunjukkan pesakit mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta selepas 6 hari menunjukkan tanda dan gejala demam Denggi dan pesakit kemudiannya terus dirujuk ke Hospital Kerajaan pada hari yang sama. Walau bagaimanapun, pesakit telah meninggal dunia setelah satu hari dirawat dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Pemeriksaan pembiakan Aedes yang dijalankan dikawasan kediaman pesakit mendapati nilai pembiakan Aedes adalah melebihi nilai sensitif 1.0% iaitu 5.6%.

Bermula dari Januari hingga 11 Mei 2013, jumlah terkumpul kes Denggi adalah sebanyak 8,827 kes, penurunan dilaporkan sebanyak 4% atau 375 kes berbanding dengan 9,202 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012. Sepanjang minggu ke-19 tahun 2013 iaitu bagi tempoh 5 Mei hingga 11 Mei, sejumlah 451 kes Demam Denggi dilaporkan, iaitu menurun sebanyak 12 kes (3%) berbanding dengan 463 kes pada minggu

sebelumnya. Sehingga minggu lepas, sejumlah 104 lokaliti wabak aktif dilaporkan di 17 daerah melibatkan 6 negeri iaitu 38 lokaliti di Selangor, 37 lokaliti di Johor, 24 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 3 lokaliti di Negeri Sembilan dan masing-masing 1 lokaliti di Perak dan Kedah. Sementara itu, bagi aktiviti pemeriksaan *Aedes*, secara keseluruhan sebanyak 75,430 premis telah diperiksa dengan 1,187 premis didapati positif pembiakan *Aedes* yang melebihi nilai sensitif 1.0% iaitu 1.6%.

Berdasarkan laporan WHO, dari Januari sehingga 17 April 2013 kejadian kes Denggi di empat negara serantau mengalami peningkatan kes yang ketara iaitu Lao PDR meningkat sebanyak 78% (1,621 kes), Singapura 77% (2,963 kes), Vietnam 44% (3,250 kes) dan Cambodia 15% (275 kes). Peningkatan di negara serantau ini akan turut memberikan kesan peningkatan kejadian kes Denggi di Malaysia. Justeru itu masyarakat perlu mengatur strategi dan aktiviti dengan memberi penekanan terhadap penjagaan kebersihan persekitaran dengan pengurangan tempat-tempat pembiakan *Aedes* bagi menghalang peningkatan kes di negara ini. Tindakan proaktif dalam pencegahan Denggi hendaklah dikekalkan di semua peringkat dan menubuhkan program COMBI di kawasan masing-masing terutama di kawasan yang sering berlaku kejadian kes Denggi. Program ini jelas dilihat dapat memberi impak yang amat baik dalam penurunan kejadian kes demam Denggi di Malaysia, Bersama kita "***Perangi Denggi***".



DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

12 Mei 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2013
(5 Mei hingga 11 Mei 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 19/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 19/2012
		Minggu 19 (5 Mei – 11 Mei 2013)	Minggu 18 (28 April – 4 Mei 2013)		
1	Perlis	4	1	54	76
2	Kedah	14	12	273 (1)	310 (1)
3	P. Pinang	11	6	246	332 (1)
4	Perak	28	24	731	625 (1)
5	Selangor	178	179	3,761 (1)	4,161 (10)
6	WPKL & Putrajaya	50	57	729 (4)	975 (3)
7	N. Sembilan	16	19	201	165 (1)
8	Melaka	7	5	168	255
9	Johor	83 (1)	100	959 (7)	632 (1)
10	Pahang	5	11	198	280 (1)
11	Terengganu	7	5	81	327
12	Kelantan	15	17	501	489
13	Sarawak	24	18	650 (2)	393
14	Sabah	9	9	275 (1)	175 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	7
	Jumlah	451 (1)	463	8,827 (16)	9,202 (20)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.